

Bab 1

PENDAHULUAN

A. Latar belakang

Pendidikan merupakan proses membangun dan mengembang kebolehan serta potensi individu. Maksud yang lebih luas tentang pendidikan ialah semua perkara yang perlu dipelajari dan diperlukan dalam hidup: hobi, kemahiran, pengetahuan, minat, sikap dan personaliti (New Standard Encyclopedia, 1991). Fullan (1995) pula menekankan pendidikan sebagai proses pembentukan moral individu. Bagi Abu Bakar Nordin (1991) tujuan umum pendidikan adalah mengubah tingkah laku pelajar. Tingkah laku ini mungkin berbentuk pengetahuan ataupun sikap.

Atan Long (1982) menyatakan, pendidikan tidak hanya semata-mata mengekalkan aspek kebudayaan yang sesuai dengan pembangunan dan kemajuan sahaja, tetapi juga menyediakan ahli-ahli masyarakat untuk menghadapi pembaharuan. Dari sudut Islam pula pendidikan merupakan proses untuk melahirkan insan yang baik dan beriman supaya mereka akan dapat menerajui corak kehidupan yang sejahtera di atas muka bumi dan dapat mencapai kesejahteraan di akhirat (Muhammad Hamid Al Afendi, 1990).

Pendidikan yang baik adalah hasil daripada kurikulum yang baik dan berkesan (Abu Bakar Nordin, 1991). Setiap individu, masyarakat atau institusi pendidikan mempunyai pandangan yang tersendiri tentang ukuran kurikulum yang baik dan berkesan. Ini kerana istilah baik dan berkesan itu sendiri adalah relatif (Nik Muhammad Mahyuddin Musa, 1978). Namun secara umum, kurikulum yang baik adalah kurikulum yang dirangka berasaskan objektif yang diinginkan dan dapat dilaksanakan.

Menurut Muhammad Abdul Hamid (1990), matlamat kurikulum yang dilaksanakan oleh sebuah masyarakat hendaklah mencerminkan konsep insan, ideologi dan budaya bagi masyarakat tersebut. Kurikulum yang dilaksanakan juga haruslah berhasrat untuk mengekalkan serta mencerminkan konsep pendidikan yang hendak dicapai. Di Malaysia, matlamat pendidikannya jelas seperti yang tersurat dan tersirat di dalam Falsafah Pendidikan Negara, iaitu:

“ ... untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu ... ke arah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab ... ”

(Falsafah Pendidikan Negara, PPK, 1987)

Hussin Ahmad (1991) pula menyatakan pembangunan sistem pendidikan di negara ini selepas merdeka merupakan hasil daripada segala proses yang bertitik tolak daripada perancangan program-program kerajaan untuk melaksanakan pelbagai peruntukan yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1977 dan Akta Pelajaran 1991.

Bahagian Pendidikan dan Pelajaran, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas pendidikan yang mempunyai matlamat yang lebih jelas dan meluas. Melalui Bahagian Pendidikan dan Pelajaran, JAIS telah menggariskan beberapa matlamat pendidikan seperti berikut:

- 1 Menyatukan antara ilmu 'Naqli' iaitu ilmu-ilmu yang diperolehi melalui wahyu (al-Quran & al-Sunnah) antara kandungannya aqidah dan hukum-hakam dalam agama dan ilmu 'Muktasabi' iaitu ilmu yang diperolehi melalui percubaan, kajian dan sebagainya berkaitan dengan keperluan manusia di dunia seperti matematik, sains dan sebagainya.
2. Mendidik pelajar dengan keperibadian Islam yang tinggi agar mampu menghadapi cabaran zaman.
3. Meningkatkan mutu pengajian agama dan Bahasa Arab supaya pelajar-pelajar layak melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi.
4. Meluaskan peluang pelajar dalam usaha melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi agar dapat menceburkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan.
5. Meningkatkan kefahaman pelajar tentang isi kandungan Al Quran dan Al Sunnah sebagai panduan hidup.
6. Menyelaras sistem pendidikan yang disediakan sejajar dengan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

(Jabatan Agama Islam Selangor, 1989)

Berdasarkan matlamat pendidikan JAIS di atas dapatlah dilihat bahawa matlamat pendidikan JAIS selari dengan inspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia supaya rakyat berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Hal ini dapat dilihat dalam rentetan sejarah pendidikan JAIS, bahawasanya ia telah dan sedang menunjukkan usaha-usaha ke arah tercapainya matlamat yang dinyatakan di atas.

Di samping itu sebagai menyahut misi kerajaan untuk meningkatkan sistem pendidikan negara cemerlang bertaraf dunia (Ghazali Othman, 1996) (lihat lampiran D). Bahagian Pendidikan JAIS telah sedang dan terus berusaha agar semua sekolah JAIS memenuhi ciri-ciri sekolah cemerlang sepertimana yang telah disyorkan Wan Mohd Zahid, Julai 1995 dalam Persidangan Pendidikan Nasional ketiga di Institut Aminudin Baki (lihat lampiran E). Untuk memastikan misi di atas tercapai, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS dengan kerjasama lain-lain bahagian JAIS. Pelbagai rancangan dan strategi telah, sedang dan akan dilaksanakan mengikut masa yang telah ditentukan.

Oleh yang demikian dalam pelaksanaan kurikulum al Azhar untuk mencapai misi yang dikehendaki di atas perlu mengambil kira kemampuan guru dari sudut latihan, ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap sebelum merangka sesuatu program, memilih bahan-bahan, mengendali dan menilai program yang dijalankan supaya guru yang melaksanakan kurikulum al Azhar juga dapat membantu bagi menjayakan misi JAIS dengan lancar dan jayanya.

B. Penyataan masalah.

Perubahan dan pembaharuan kurikulum sentiasa dibincangkan oleh para pendidik di seluruh dunia. Ini berlaku kerana dalam sesebuah masyarakat yang berkembang dan bertamadun sistem pendidikannya juga turut berubah mengikut perubahan masa dan tuntutan-tuntutan yang terkini dalam masyarakat tersebut. Menurut Azizah Abd. Rahman (1982), ini terjadi adalah kerana kurikulum sebagai alat atau wahana bagi mencapai matlamat dan objektif pendidikan yang dihasratkan.

Siti Hawa Ahmad (1977) menyatakan bahawa berjaya atau tidak sesuatu perubahan kurikulum itu bergantung kepada pelaksanaannya di bilik darjah. Dalam melaksanakan sesuatu kurikulum, guru memainkan peranan penting, kerana merekalah yang menentukan apa yang berlaku di dalam bilik darjah. Tahap kejayaan guru melaksanakan kurikulum khususnya dalam konteks kajian ini iaitu kurikulum al Azhar amat bergantung rapat kepada sokongan yang diberikan oleh rakan sejawat, pengetua dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum al Azhar.

Lebih-lebih lagi terdapat sebahagian daripada tenaga pengajar yang mengajar kurikulum al Azhar tidak terlatih. Ini boleh menyebabkan guru-guru yang tidak terlatih ini kurang memahami fungsi atau tugas perguruan yang perlu dilaksanakan adalah meliputi bidang pengetahuan guru, merancang pengajaran, sahsiah guru, kepimpinan, pengurusan pengajaran dan bilik darjah, menilai kemajuan murid dan seumpamanya. Amat wajar Bahagian Pendidikan JAIS mengambil perhatian berkaitan dengan latihan. Menurut Rabey (1981), latihan adalah suatu proses memperolehi pengetahuan

,kemahiran dan sikap yang penting untuk melakukan kerja yang diperlukan oleh majikan atau menyediakan perubahan tingkahlaku yang sesuai dengan aktiviti masa hadapan. Maimunah Ismail (1990) menyatakan bahawa latihan merupakan satu strategi untuk memperbaiki kecekapan pegawai-pegawai menjalankan tugas selaras dengan keperluan pemajuan kerjaya yang semakin hari semakin mencabar.

Menjadi dasar Universiti Al Azhar setiap sekolah sama ada di Malaysia atau pun di negara-negara umat Islam di dunia yang ingin mendapatkan pengiktirafan universiti tersebut hendaklah menerima sukatan pelajaran yang diambil sepenuhnya dari al Azhar. Pada tahun 1996 JAIS telah menerima sukatan al Azhar sepenuhnya dan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah agama, sedangkan sebelum ini sukatan pelajaran hanya menerima pakai sukatan yang digunakan oleh sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Perubahan ini telah memberi kesan dalam pengajaran kurikulum al Azhar, sebahagian daripada guru yang mengajar mempunyai keterbatasan dalam menguasai Bahasa Arab dan sebahagian yang lain pula tidak mampu untuk mengajar kurikulum al Azhar. Hal ini menyebabkan berlaku perbezaan pencapaian peperiksaan akhir tahun kurikulum al Azhar di antara sekolah-sekolah JAIS. Menurut Ramaiah (1993), pencapaian akademik pelajar antara sekolah-sekolah menimbulkan keraguan kerana terdapat perbezaan antara satu sekolah dengan sekolah yang lain.

Perbezaan pencapaian keputusan peperiksaan di atas juga dapat disandarkan kepada alasan berkenaan pelaksanaan sukatan baru, iaitu guru-guru kurang diberikan pendedahan dan penerangan berhubung sukatan pelajaran, kesan dari kurang pendedahan ini guru melaksanakan tugas mereka berdasarkan kehendak mereka, maka sebahagian dari guru-guru mencapai matlamat pengajaran dan sebahagian pula tidak mencapai matlamat pengajaran. Menurut Rosli Ahmad (1999), hal ini menggambarkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dimiliki oleh guru belum mencukupi untuk menjayakan dan mencapai matlamat, misi dan rancangan masa depan pendidikan JAIS.

Keyakinan diri kepada kemampuan untuk mengajar kurikulum al Azhar adalah satu keperluan yang tidak dapat dinafikan. Sebagai guru biasanya memiliki pelbagai ilmu pengetahuan seperti psikologi, sosiologi, sejarah, bahasa dan kesusasteraan (Abdullah Ishak 1989). Kekurangan ilmu pengetahuan berkenaan boleh mengurangkan keyakinan diri. Suradi Salim (1987) menyatakan bahawa faktor dalaman juga mempengaruhi dan memberi kesan ke atas pelaksanaan kurikulum. Pengajaran yang berkesan dan meyakinkan boleh dihasilkan sekiranya guru mampu menguasai pengetahuan asas termasuk kandungan isi pelajaran, strategi dan prinsip pengurusan kelas, program dan bahan kurikulum, pengetahuan tentang pengajaran kandungan tajuk isi pelajaran tertentu pengetahuan tentang konteks pendidikan dan pengetahuan tentang nilai dan matlamat pendidikan Sulman, 1987 (dalam Kyriacou, 1991). Ini bererti setiap guru tidak hanya mengetahui ilmu yang diajar sahaja tetapi merangkumi dalam semua bidang ilmu pendidikan.

Selain itu, pelaksanaan kurikulum al Azhar menghadapi masalah seperti kekurangan buku tambahan, bahan bantu mengajar sama ada berbentuk elektronik dan bahan cetak yang disediakan oleh pihak pentadbir sekolah.

C. Rasional

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan ke atas penyelidikan dan kajian lampau didapati bahawa kajian berkaitan pelaksanaan kurikulum al Azhar sebenarnya masih berkurangan. Sehubungan dengan itu rasional kajian ini dilakukan terhadap kurikulum al Azhar kerana beberapa pertimbangan. Pertamanya kerana kurikulum tersebut merupakan satu alternatif sistem pendidikan yang ada di Malaysia, di samping sistem pendidikan kebangsaan dan beberapa sistem yang lain.

Selain daripada itu, pelaksanaan kurikulum ini menggunakan Bahasa Arab (sepenuhnya) sebagai bahasa penghantar. Oleh sebab itu, sudah pasti timbul beberapa masalah penggunaan bahasa tersebut di kalangan pengguna bukan Bangsa Arab. Maka, kajian ini amat bermakna kepada pendidikan berasaskan Bahasa Arab. Lebih-lebih lagi kurikulum ini sedang dilaksanakan di Negeri Selangor khususnya dan beberapa buah negeri lain di Malaysia amnya.

Kajian ini juga bertujuan menilai pelaksanaan kurikulum al Azhar di sekolah-sekolah menengah agama JAIS dengan memberi tumpuan khusus kepada guru sebagai pelaksana kurikulum. Aspek pelaksanaan kurikulum dipilih kerana aspek ini

merupakan aspek terpenting dalam sesuatu kurikulum (Rozali Arof, 1991). Kajian penilaian pelaksanaan kurikulum menyediakan peluang untuk memahami dengan lebih mendalam tentang reaksi guru terhadap kurikulum yang telah digubal oleh Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS. Dalam hal ini, aspek guru diberi tumpuan kerana guru merupakan pihak yang menentukan kejayaan sesuatu kurikulum yang digubal serta dapat meningkatkan keberkesanan kurikulum yang dilaksanakan (Mohd Salleh Lebar, 1996).

Selain itu juga, latar belakang pendidikan guru-guru yang berbeza antara satu sama lain di mana tidak semua dari kalangan mereka menerima pendidikan di Universiti Al Azhar atau di Universiti Timur Tengah yang lain. Sebaliknya terdapat dari kalangan mereka yang menerima pendidikan agama yang menggunakan Bahasa Arab di dalam negeri sahaja. Justeru itu kajian ini akan menilai kemampuan antara kedua mereka dalam melaksanakan kurikulum tersebut. Guru yang produktif itu ialah guru yang berkesan dalam pengajarannya dan guru yang mampu membimbing muridnya, (Rahimah Haji Ahmad, 1992). Hasil dari kajian penilaian pelaksanaan kurikulum al Azhar ini membolehkan pihak-pihak berkepentingan memperoleh maklumat bagi membuat pertimbangan dalam proses pemurnian kurikulum al Azhar yang sedia ada.

D. Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti dan menilai pelaksanaan kurikulum yang ditetapkan oleh Universiti Al Azhar dan diterima pakai di sekolah-sekolah agama JAIS peringkat sekolah menengah mencapai objektif . Pelaksanaan kurikulum ini meliputi pengetahuan, kemahiran, persediaan, kemampuan bahasa serta teknik dalam memahami dan pengajaran kurikulum tersebut.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah keberkesanan dan kesesuaian isi kandungan dan proses pengajaran dalam kurikulum al Azhar di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga turut memperlihatkan perbezaan antara guru-guru kelulusan ijazah luar negara (Timur Tengah) dan dalam negara serta guru-guru yang telah mengikuti latihan iktisas dan sebaliknya dalam pelaksanaan kurikulum ini.

Selain daripada itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah dalam pelaksanaan kurikulum al Azhar serta meninjau kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah, di samping mengenengahkan cadangan-cadangan sama ada dari pihak penulis mahupun guru-guru sebagai satu langkah untuk memperbaiki kelemahan pelaksanaan kurikulum tersebut.

E. Soalan kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, beberapa soalan kajian dibentuk:

1. Sejauh manakah guru memahami sukatan pelajaran al Azhar yang dilaksanakan di sekolah-sekolah JAIS sama ada dari sudut bahasa dan isi kandungan.
2. Bagaimanakah guru melaksanakan pengajaran kurikulum al-Azhar?
3. Adakah terdapat perbezaan antara guru yang mendapat pendidikan dalam negeri dengan guru berpendidikan luar negeri tentang perkara (1) dan (2) .
4. Adakah terdapat perbezaan antara guru yang mendapat latihan ikhtisas dengan yang tidak mendapat latihan ikhtisas tentang perkara (1) dan (2) .

F. Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan dapat memberi faedah kepada pihak-pihak tertentu, khususnya kepada pihak pengkaji sendiri, pihak sampel dan pihak-pihak yang berwajib seperti JAIS ataupun Kementerian Pendidikan serta menjadi rujukan kepada pihak-pihak yang ingin membuat kajian pada masa akan datang.

Kajian ini juga menjadi sebagai satu saluran untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi khususnya oleh para guru. Dengan adanya kajian ini, guru-guru berpeluang untuk menyalurkan permasalahan yang mereka hadapi. Sebagai seorang guru yang mempunyai inisiatif untuk menjayakan perancangan '*mulia*' ini, sudah pasti kajian ini merupakan suatu yang amat berharga demi mencapai cita-cita dan matlamat

semua pihak. Perancangan seterusnya dapat dijalankan dengan lebih baik lagi berpandukan kepada kajian ini.

Maklumat-maklumat ini diharap dapat membantu menjawab persoalan-persoalan yang timbul di kalangan pendidik, pentadbir, ibu bapa dan masyarakat tentang status dan hala tuju kurikulum al Azhar di Sekolah-sekolah Men. Agama JAIS.

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, bahawasanya kajian seperti ini sebenarnya masih terhad. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan dapat memperlengkapkan koleksi kajian sebelum ini. Sebagai satu kajian yang baru maka sudah pasti maklumat serta penilaian terkini akan dikemukakan. Justeru, secara tidak langsung kajian ini akan menjadi rujukan dan dapatan bagi pengkaji-pengkaji dalam aspek yang berkaitan pada masa akan datang.

G. Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada Sekolah-Sekolah Menengah Agama di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor sahaja. Jumlah Sekolah Menengah Agama hingga kini ialah 23 buah sekolah (Lihat lampiran B).

Kajian ini mengkaji penilaian pelaksanaan kurikulum al Azhar yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di atas. Penilaian pelaksanaan yang dimaksudkan di sini hanya terhad kepada proses pengajaran sahaja. Tidak termasuk kepada proses pembelajaran.

Kajian ini menjadikan guru yang mengajar kurikulum al Azhar di sekolah-sekolah di atas sebagai subjek kajian, sama ada dari lulusan dalam negara mahupun luar negara dan sama ada terlatih ataupun sebaliknya. Ini bermakna kajian ini tidak mengambil kira persepsi pihak lain seperti pengetua, penolong kanan, murid-murid, ibu bapa dan masyarakat terhadap pelaksanaan kurikulum tersebut.

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada guru-guru yang mengajar kurikulum al Azhar yang mengajar di Sekolah-sekolah Menengah Agama di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor sahaja. Maka dapatan kajian ini terbatas pada pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu kurang sesuai sekiranya digeneralisasikan untuk sekolah menengah agama di negeri lain dan sekolah yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

H. Definisi Istilah

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Jabatan Agama Islam Selangor merupakan salah sebuah jabatan kerajaan di Negeri Selangor. Ianya merupakan satu jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor khususnya sama ada dari segi dakwah, baitul mal, perundangan, syariah, pendidikan dan sebagainya.

Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS.

Bahagian Pendidikan dan Pelajaran adalah salah satu bahagian yang terdapat di Jabatan Agama Islam Selangor. Bahagian ini secara langsung mengelolakan sekolah-sekolah agama sama ada di peringkat rendah mahupun menengah.

Kurikulum

Bagi tujuan kajian ini, kurikulum yang dimaksudkan ialah segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan termasuk susunan mata pelajaran, sekatan, panduan guru, bahan pembelajaran, bahan sokongan dan gerak kerja yang berkaitan dengan pendidikan.

Kurikulum Kementerian Pendidikan

Kurikulum Kementerian Pendidikan yang dimaksudkan ialah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Kurikulum al Azhar

Kurikulum al Azhar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kandungan kurikulum agama untuk Sekolah-sekolah Agama Menengah di bawah anjuran dan kelolaan JAIS. Kandungan kurikulum ini ialah sukatan pelajaran yang telah ditetapkan

oleh Universiti Al Azhar untuk Sekolah-sekolah Agama Menengah bagi negara-negara yang ingin menghantar pelajar mereka untuk melanjutkan pelajaran di universiti tersebut. Syarat ini telah dipersetujui oleh JAIS untuk dilaksanakan di Sekolah-sekolah Agama Menengah di bawah kelolaannya.

Sekolah-sekolah Agama Menengah

Dalam kajian ini adalah merujuk kepada Sekolah-sekolah Agama Menengah yang dikelolakan oleh Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS.

Penilaian Kurikulum.

Dalam konteks kajian ini penilaian kurikulum adalah satu proses untuk membuat keputusan mengenai keberkesanan sesuatu kurikulum yang telah dilaksanakan .

Pelaksanaan Kurikulum.

Pelaksanaan kurikulum yang diguna pakai di sekolah khususnya di dalam darjah.